

2 Oktober 2020 (Jumaat)

## Matrix Concepts yakin kekal pertumbuhan

**SEREMBAN:** Syarikat pemaju hartanah, Matrix Concepts Holdings Bhd. (Matrix Concepts) yakin mengekalkan momentum pertumbuhan untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2021 walaupun berdepan pasaran sukar ekoran pandemik Covid-19.

Pengerusinya, Datuk Mohamad Haslah Mohamad Amin berkata, Kumpulan itu juga menyasarkan untuk memenuhi permintaan kediaman mampu milik dan sederhana mewah yang dibangunkan syarikat itu di Negeri Sembilan dan Johor.

Katanya, pencapaian kewangan syarikat berkembang secara konsisten ketika pendapatan dan untung bersih berkembang pada tiga tahun Kadar Pertumbuhan Kompaun Tahunan (CAGR) 18.3 peratus dan 8.6 peratus masing-masing dari tahun kewangan berakhir 31 Mac 2017 hingga 31 Mac 2020.

Pada tahun kewangan 2020, Matrix Concepts mencatatkan rekod pendapatan tahunan sebanyak RM1.3 bilion dan untung bersih RM234.3 juta.

“Ketika syarikat terjejas akibat Covid-19, kami tetap optimis dalam menghadapi cabaran yang timbul daripada pandemik ini dan mengekalkan pertumbuhan untuk terus maju, dipacu nilai saranan yang tinggi projek pembangunan kediaman kami.

“Kami juga menfokuskan tambah nilai projek Kumpulan pada tahun kewangan 2020 terutama di pasaran Indonesia iaitu pembinaan Menara Syariah di Jakarta dan menceburi sektor kesihatan menerusi usaha sama di Pusat Perubatan Mawar, sebahagian usaha mempelbagaikan aliran pendapatan,” katanya dalam satu kenyataan di sini, kelmarin.

Kumpulan itu menandatangani perjanjian pengurusan dengan Pusat Hemodialisis Mawar (PHM) sejak 2019 untuk tempoh selama 30 tahun.

Matrix Medicare Sdn. Bhd. yang 70 peratus sahamnya dimiliki kumpulan itu, menyediakan perkhidmatan pengurusan untuk hospital pakar PHM, pusat hemodialisis dan klinik di bawah Pusat Perubatan Mawar di sini.



**MOHAMAD** Haslah Mohamad Amin (kanan) bersama Pengasas dan Timbalan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Matrix Concepts, Datuk Lee Tian Hock di pejabat syarikat itu di Seremban, kelmarin. - UTUSAN/SYED AHMAD ZULKARNAIN SYED ALI